

PEMERIKSAAN MAWILUD 1 DI PANGKALAN UDARA KUANTAN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4597-pemeriksaan-mawilud-1-di-pangkalan-udara-kuantan

KUANTAN, 28 Feb 19 - Markas Wilayah Udara 1 telah mengadakan pemeriksaan tahunan ke atas Pangkalan Udara Kuantan yang diketuai oleh Panglima Wilayah Udara 1, Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM. Tim pemeriksa ini telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Bahagian Operasi dan Bahagian Bantuan.

Ketibaan Panglima Wilayah Udara 1 dan Pegawai telah disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM. Pemeriksaan ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk menyelaraskan persiapan pentadbiran dan bantuan logistik Pangkalan Udara Kuantan.



